



Abdullaah Jalil
Pensyarah Kanan,
Fakulti Ekonomi dan Muamalat, USIM.
Email: abdullaah@usim.edu.my / abdullaah.usim@gmail.com



Kerjaya sebagai Medan Ibadah

UPM-MTDC Technology Centre 3

23 Januari 2015

Rangka Tazkirah dan Muzakarah

- Tujuan Hidup Kita: Ibadah dan Khilafah
- Pengurusan Kejayaan Hidup: Dunia Akhirat
- Ciri-ciri Pekerja Yang Baik
- Ciri-ciri Pengurusan Yang Baik
- Zikrullah Membantu Pekerjaan dan Kerjaya
- Penerapan Ibadah di dalam Pekerjaan
- 3S

Mengapa topik ini penting?

Abu Barzah رضي الله عنه berkata: Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

لَا تَزُولُ قَدَمَا عَبْدٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حَتَّى يُسْأَلَ عَنْ عُمُرِهِ فِيمَا أَفْنَاهُ وَعَنْ عِلْمِهِ فِيمَا
فَعَلَ وَعَنْ مَالِهِ مِنْ أَيْنَ اكْتَسَبَهُ وَفِيمَا أَنْفَقَهُ وَعَنْ جِسْمِهِ فِيمَا أَبْلَاهُ

Maksudnya: “Tidak akan bergerak kedua kaki seorang hamba pada hari akhirat nanti sehinggalah ditanya tentang umurnya, pada apakah yang telah dia habiskan?; dan tentang ilmunya, pada apakah yang telah dia amalkan?; dan tentang hartanya, dari manakah dia mendapatkannya dan pada apakah dia membelanjakannya?; dan tentang|tubuh badannya, pada apakah dia telah bersusah payah?”

T: al-Tirmidhi dan beliau berkata: Hadith ini adalah hasan sahih; al-Darimi; al-Bayhaqi; Abu Ya'la al-Musili, al-Tabarani - al-Mu'jam al-Awsat dan lain-lain.

- Masa yang diluangkan
- Tenaga yang dihabiskan
- Ilmu yang digunakan
- Harta yang diperolehi

Kerjaya akan menjadi sebahagian besar perkara yang dihisab di akhirat nanti.

Tujuan hidup

Ibadah (al-Dharyyat:56)

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ (*)

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

Khilafah (al-Baqarah:30)

إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

“Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi”

24 Jam Sehari

Salah Satu Dari 5 Hukum

Wajib
Sunat
Harus
Makruh
Haram

Zikrullah dan Ghafiah

**Mengingati Allah
(Kesedaran Hati)**

**Lalai daripada Mengigati Allah
(Hati Yang Tidur)**

Objektif dan Perspektif

- Apakah objektif dan perspektif **kita** dalam kerjaya?
- Apakah objektif dan perspektif **Shariah** terhadap kerjaya?

Pekerja Yang Baik

Allah SWT berfirman (al-Qasas:26):

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَأْجِرْهُ إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَأْجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ

“Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: Wahai ayah, ambilah dia menjadi orang upahan (mengembala kambing kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah **orang yang kuat, lagi amanah**”.

Pengurus Yang Baik

Allah SWT berfirman (Yusuf:54-55):

وَقَالَ الْمَلِكُ ائْتُونِي بِهِ اَسْتَخْلِصْهُ لِنَفْسِي فَلَمَّا كَلَّمَهُ قَالَ اِنَّكَ الْيَوْمَ لَدَيْنَا مَكِينٌ اَمِينٌ (54) قَالَ اجْعَلْنِي عَلَى خَزَائِنِ الْاَرْضِ اِنِّي حَفِيظٌ عَلِيمٌ

“[54]

Dan (setelah mendengar pengakuan perempuan-perempuan itu), raja berkata: “Bawalah Yusuf kepadaku, aku hendak menjadikan dia orang yang khas untuk aku bermesyuarat dengannya. Setelah (Yusuf dibawa menghadap, dan raja) berkata-kata dengannya (serta mengetahui kebijaksanaannya) berkatalah raja kepadanya: “Sesungguhnya engkau pada hari ini (wahai Yusuf), **seorang yang berkedudukan tinggi (dihormati), lagi dipercayai di kalangan kami** “.

[55]

Yusuf berkata: “Jadikanlah daku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir); **sesungguhnya aku sedia menjaganya dengan sebaik-baiknya, lagi mengetahui cara mentadbirkannya**”.

Ciri-ciri Yang Perlu Dibina dalam Kerjaya: “Credibility” + “Competency”

	Sifat 1	Sifat 2
Nabi Yusuf a.s.	حَفِيظٌ ^{٢٨}	عَلِيمٌ ^{٢٨}
Raja Mesir	مَكِينٌ ^{٢٨}	أَمِينٌ ^{٢٨}
Anak Perempuan Nabi Shu'ab a.s. tentang Nabi Musa a.s.	الْقَوِيُّ ^{٢٨}	الْأَمِينُ ^{٢٨}

2 Ciri Kejayaan Yang Besar

<p>Credibility (Sidiq + Amanah)</p>	<p>the quality of being trusted and believed in/ the quality of being convincing or believable.</p>
<p>Competency (Tabligh + Fatanah)</p>	<p>the ability to do something successfully or efficiently.</p>

4 Sifat Wajib bagi Para Nabi a.s. dan Wajib kita mengiktikadkannya

Menjadikan Kerjaya sebagai Medan Ibadah

- Mempunyai niat yang baik.
- Tidak bertentangan dengan Shariat.
- Tidak mengabaikan kewajipan yang lain.
- Tidak lalai daripada mengingati Allah dan Hari Akhirat.
- Mencari peluang melaksanakan kebaikan seperti dakwah, nasihat dan zikrullah dalam melakukan pekerjaan.
- Sentiasa berazam untuk melakukan ihsan.

Zikrullah Membantu Pekerjaan dan Kerjaya

- Zikrullah Pagi dan Petang (3 *Qul* & *Hasbiyallah*)
- Solat Istikharah Mutlaqah
- Solat Duha
- Surah Yasin
- Zikrullah sebelum Tidur

3 Qul

3 Qul

Abdullah Ibn Khubayb ؓ berkata:

خَرَجْنَا فِي لَيْلَةٍ مَطِيرَةٍ، وَظُلْمَةٍ شَدِيدَةٍ، نَطْلُبُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يُصَلِّي لَنَا، قَالَ: فَأَدْرَكْتُهُ، فَقَالَ: قُلْ: فَلَمْ أَقُلْ شَيْئًا، ثُمَّ قَالَ: قُلْ: فَلَمْ أَقُلْ شَيْئًا، قَالَ: قُلْ، فَقُلْتُ: مَا أَقُولُ؟ قَالَ: قُلْ: " قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ، وَالْمُعَوَّذَتَيْنِ حِينَ تُمَسِّي وَتُصْبِحُ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ تَكْفِيكَ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ "

Kami telah keluar pada satu malam yang berhujan lebat, dan gelap gelita untuk mencari Rasulullah ﷺ agar Baginda bersolat (menjadi imam) bagi kami. Beliau berkata: Maka apabila daku dapat menjumpai Baginda, Baginda bersabda: Katakanlah. Dan daku tidak berkata apa-apa. Kemudian Baginda bersabda lagi: Katakanlah, dan daku tidak berkata apa-apa. Kemudian Baginda bersabda lagi: Katakanlah, dan daku bertanya: Apakah yang perlu daku katakan?. Baginda bersabda:

Katakanlah olehmu "Qul Huwallahu Ahad" dan dua surah pelindung apabila kamu memasuki waktu pagi dan petang, **ia akan mencukupkan kamu daripada segala perkara.**"

T: al-Tirmidhi (lafaz di atas); Abu Dawud; al-Nasa'i; Ahmad dan lain-lain.

Hasbiyallah

Abu al-Darda' رضي الله عنه berkata:

مَنْ قَالَ إِذَا أَصْبَحَ وَإِذَا أَمْسَى: **حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ، وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ** سَبْعَ مَرَّاتٍ، كَفَاهُ اللَّهُ مَا أَهَمَّهُ صَادِقًا كَانَ بِهَا أَوْ كَاذِبًا


“Barangsiapa yang membaca ketika berada di waktu pagi dan petang:

Cukuplah Allah bagiku, Tiada tuhan melainkan Dia, kepadaNya lah semata-mata Daku bertawakkal, dan Dialah Tuhan Pemilik Arash yang sangat agung.

Maka Allah akan mencukupkannya bagi apa-apa yang merisaukannya, sama ada dia benar ketika mengucapkannya atau berbohong.”

T: Abu Dawud.

Istikharah Mutlaqah



Rasulullah SAW mengajar para sahabat melakukan istikharah seperti Baginda SAW mengajar mereka surah daripada al-Qur'an

Solat Duha

Solat Duha

Mencukupkan Keperluan Harian

Abu Dharr رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda berkenaan firman Allah عز وجل (di dalam hadith Qudsi):

ابْنِ آدَمَ ارْكَعْ لِي مِنْ أَوَّلِ النَّهَارِ أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ أَكْفِكَ آخِرَهُ

“Wahai anak Adam! Ruku’lah kepada ku empat rakaat pada permulaan hari, aku akan mencukupkan (urusan)mu sehingga akhirnya.”

T: al-Tirmidhi; al-Baghawi – Sharh al-Sunnah & Ma’alim al-Tanzil; dan Abu Nu’aym al-Asbahani – Hilyat al-Awliya’.

Sebelum Tidur

Tasbih Fatimah

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa:

أَنَّ فَاطِمَةَ أَتَتْ النَّبِيَّ صلى الله عليه وسلم تَسْأَلُهُ خَادِمًا وَشَكَتِ الْعَمَلَ، فَقَالَ: مَا أَلْفَيْتِيهِ عِنْدَنَا، قَالَ: " أَلَا أَدُلُّكَ عَلَى مَا هُوَ خَيْرٌ لَكَ مِنْ خَادِمٍ ؟ تُسَبِّحِينَ ثَلَاثًا وَثَلَاثِينَ، وَتُحَمِّدِينَ ثَلَاثًا وَثَلَاثِينَ، وَتُكَبِّرِينَ أَرْبَعًا وَثَلَاثِينَ حِينَ تَأْخُذِينَ مَضْجَعَكَ

“Sesungguhnya Fatimah رضي الله عنها telah datang kepada Nabi صلى الله عليه وسلم untuk meminta seorang hamba dan beliau mengadu tentang kerja (yang berat), maka Baginda bersabda: Kamu tidak akan menjumpainya di sisi kami. Kemudian Baginda bersabda: Tidakkah kamu mahu untuk daku menunjukkan kepadamu sesuatu yang lebih baik dari seorang hamba? (iaitu) engkau bertasbih sebanyak 33 kali, dan bertahmid sebanyak 33 kali, dan bertakbir sebanyak 34 kali ketika engkau mengambil tempat untuk tidur.”

T: Muslim.

Kekerapan	Zikir
33 kali	سُبْحَانَ اللَّهِ
33 kali	الْحَمْدُ لِلَّهِ
34 kali	اللَّهُ أَكْبَرُ

Sekian, terima kasih.

Seratus Zikrullah Selepas Solat Menghapuskan Dosa

Abu Hurayrah رضي الله عنه meriwayatkan daripada Rasulullah صلى الله عليه وسلم bahawa baginda bersabda:

مَنْ سَبَّحَ اللَّهَ فِي دُبُرِ كُلِّ صَلَاةٍ ثَلَاثًا وَثَلَاثِينَ، وَحَمِدَ اللَّهَ ثَلَاثًا وَثَلَاثِينَ، وَكَبَّرَ اللَّهَ ثَلَاثًا وَثَلَاثِينَ، فَتِلْكَ تِسْعَةٌ وَتِسْعُونَ، وَقَالَ تَمَامَ الْمِائَةِ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَخَدَّهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ، وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، غُفِرَتْ خَطَايَاهُ وَإِنْ كَانَتْ مِثْلَ زَبَدِ الْبَحْرِ



Maksudnya: “Barangsiapa yang bertasbih kepada Allah pada setiap kali selesai solat (fardu) 33 kali, dan memuji Allah sebanyak 33 kali, dan bertakbir sebanyak 33 kali, maka itu adalah sebanyak 99 kali, serta dia berkata pada kali yang seratus:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَخَدَّهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ، وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, semata-mata Dia, tiada sekutu bagi-Nya, bagi-Nyalah segala kepujian, dan Dialah yang berkuasa ke atas tiap-tiap sesuatu; **Diampunkan baginya dosa-dosanya, walaupun sebanyak buih lautan.**”

T: Muslim.

Kekerapan	Zikir
33 kali	سُبْحَانَ اللَّهِ
33 kali	الْحَمْدُ لِلَّهِ
33 kali	اللَّهُ أَكْبَرُ
1 kali	لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَخَدَّهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ، وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ



3S